



**TRANSKRIP UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERJUMPAAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM
BAGI BULAN JULAI 2019**

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

MASA : 8.30 PAGI

**TEMPAT : DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri, Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan dan seterusnya anggota pentadbiran awam di dalam Jabatan Perdana Menteri.

Pada pagi ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua muslimin dan muslimat. Kita telah menikmati sambutan Hari Raya hampir dua minggu dan kini kita masih berada dalam suasana *mood* sambutan rumah terbuka.

Amalan rumah terbuka merupakan acara yang baik untuk kita semua tetapi kita perlu sentiasa mengingatkan diri bahawa amalan rumah terbuka ini sangat unik kepada semua rakyat Malaysia tidak kira kaum, bangsa dan agama kerana melalui program ini ianya dapat mengeratkan hubungan yang baik antara kita semua. Selain itu, kita perlu sedar dan bersyukur bahawa negara kita Malaysia dapat menikmati sambutan perayaan ini jauh lebih baik dari negara lain. Sehubungan itu, kita perlu sentiasa mengingatkan diri agar sentiasa insaf dan tidak keterlaluan dalam membuat apa sahaja yang kita lakukan.

Kita sebagai penjawat awam perlu sentiasa mengamalkan sikap toleransi, bertimbang rasa dan menerima kelainan dalam melaksanakan tugas dengan sempurna. Adalah amat sukar untuk kita melaksanakan tugas sekiranya tiada sifat bertimbang rasa dan juga sifat kerjasama yang baik antara kita.

Penjawat awam juga diingatkan supaya tidak mempunyai sikap suka melenting apabila ditegur sebaliknya perlu mencari jalan penyelesaian sama ada teguran tersebut berasas atau tidak dalam usaha untuk memperbaiki diri kita.

Sempena bulan Syawal ini, kita dipohon untuk saling bermaaf-maafan antara satu sama lain lahir dari hati yang luhur agar kita mempunyai sifat bekerjasama dalam usaha untuk menjalankan tugas dan mentadbir negara dengan baik demi manfaat bersama.

Sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan batin.

Sekian, terima kasih.